



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS DOA SELAMAT BAKAL-BAKAL HAJI BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN  
DI DALAMNYA TAHUN 1446H/2025M**

**Hari Isnin, 14 Zulkaedah 1446H / 12 Mei 2025M**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Doa Selamat kepada bakal-bakal Haji pada hari Isnin, 14 Zulkaedah 1446 Hijrah bersamaan 12 Mei 2025 Masihi bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan Brunei Darussalam Central Bank.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatiyah, diikuti dengan penyampaian ceramah khas bertajuk "Lambaian Haji" yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanal Bolkiah. Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan derma kepada sepuluh (10) orang bakal jemaah Haji, yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis keugamaan seumpama ini merupakan aktiviti tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi meraikan pegawai dan kakitangan yang akan mengerjakan ibadah Haji pada tahun ini disamping mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Bahagian Belanjawan, Pejabat Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam  
Emel: pr@mofe.gov.bn

Tarikh: 14 Zulkaedah 1446H

12 Mei 2025M

Rujukan: KKW/ADM/14B